

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

Harga makanan perlu selari dengan kadar inflasi

# Harga makanan perlu selari dengan kadar inflasi

**PUTRAJAYA** – Negara akan berdepan masalah besar sekiranya kadar inflasi berada pada kadar sihat, tetapi ia tidak diterjemahkan kepada penurunan harga barangan dan makanan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, beliau melihat kadar inflasi sudah mula mendatar sejak Ogos dan September lalu dan ia mencecah 3.8 peratus pada Disember lalu.


Beliau berkata, jika kadar inflasi terus turun dan mencecah sekitar 2.8 hingga 3.2 peratus pada April depan, maka harga bahan mentah di pasaran akan turut turun.

“Jika harga makanan tidak turun, maka pengguna harus bertindak balas. Malaysia tidak boleh menjadi seperti negara komunis yang mana semua harga makanan dan minuman di kawal oleh kerajaan.

“Pada dasarnya, kerajaan tidak boleh kawal harga makanan kerana ia di luar kuasa kerajaan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, rakyat juga perlu memahami bahawa kerajaan turut berdepan cabaran untuk melaksanakan penguatkuasaan harga makanan.

Dalam pada itu, Rafizi berka-



**PENINGKATAN** harga makanan menjadi penyumbang utama kadar inflasi setiap bulan. – GAMBAR HIASAN

ta, kawalan harga barangan juga perlu selari dengan kapasiti dan bekalan yang mencukupi.

“Jika bekalan makanan cukup, maka harga akhir yang dikenakan kepada pengguna juga perlu selari dengan penurunan harga bahan mentah.

“Selain itu, peningkatan harga makanan dan minuman di luar rumah, terutama di restoran dan hotel adalah penyumbang utama kepada kadar

inflasi setiap bulan,” katanya.

Justeru katanya, usaha mengawal inflasi memerlukan kerjasama semua pihak, daripada kerajaan, peniaga sehinggalah kepada rakyat.

“Sepertimana disebutkan sebelum ini, kerajaan meningkatkan, pengguna boleh memainkan peranan dalam bersama-sama menyuntik keanjalan antara permintaan dan bekalan demi mengawal inflasi,” katanya.